

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB**
[MACHANG]

TARIKH : **2 APRIL 2014 (RABU)**

SOALAN : 42-47

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah bentuk-bentuk perubahan yang telah, sedang dan bakal dilakukan oleh Kementerian melalui Agensinya BERNAMA TV, dalam menaik taraf dan meningkatkan kualiti kandungan berita dan pengisian supaya setaraf dengan CNN, BBC, Al-Jazeera.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan BERNAMA TV berdaya saing dengan saluran berita antarabangsa seperti CNN, Al Jazeera dan BBC, BERNAMA TV akan memberi fokus kepada penerbitan program-program berbentuk forum untuk membincangkan isu-isu semasa seperti "Helo Malaysia", "Jurnal BERNAMA" dan "BizTalk".

Selain itu, penekanan sedang diberikan terhadap keupayaan melaporkan lebih banyak berita terkini secara "*real-time*" iaitu wartawan membuat laporan secara langsung dari lokasi. Usaha ini melibatkan pengambilan dan latihan wartawan baru di samping melengkapkan